



SELAIN membangunkan pelbagai spesies tanaman baru, UPM juga melatih para usahawan tani.



PENGENALAN mesin berteknologi moden untuk kerja-kerja perladangan di negara ini merupakan antara inisiatif yang dilaksanakan oleh UPM.

UPM

terus perkasakan pertanian negara

OLEH LIZAWATI BAHANAN dan
HUFAIDATUL AZFA SAFFIE

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) tidak pernah mengabaikan fungsi asal penubuhannya iaitu menerajui pembangunan sektor pertanian negara walaupun pada satu ketika ia turut memberi tumpuan terhadap bidang-bidang lain.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, UPM sentiasa bersedia memikul tanggungjawab untuk terus memperkasakan sektor berkenaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"UPM tidak pernah tinggalkan pertanian, cuma ketika itu banyak bidang baru yang kita ceburi dan ia dirasakan betul kerana ketika itu keutamaan turut ditumpu pada bidang lain seperti teknologi maklumat (IT)," kata Nik Mustapha dalam satu wawancara dengan *Bernama*.


Menurutnya di sebalik pembabitan dalam bidang lain, UPM yang ditubuhkan pada 1931 telah mendahului institusi-institusi pengajian tinggi awam lain dalam meneroka bidang baru dalam pertanian seperti bioteknologi dan penghasilan vaksin.

Mengimbas sejarah, Nik Mustapha berkata, komitmen UPM dalam bidang pertanian bermula pada tahun 1971 melalui penggabungan antara Kolej Pertanian Malaya, UPM dan Fakulti Pertanian Universiti Malaya.

Sinergi

Bermula dengan hanya tiga fakulti iaitu Pertanian, Perhutanan dan Kedokteran Veterinar dan Sains Penteranakan, pembabitan UPM terus berkembang sehingga merangkumi bidang kejuruteraan, perubatan, sains tulen, ekonomi, pengurusan, pendidikan, bahasa dan komunikasi.

Beliau berkata, bidang-bidang itu menjadi daya sinergi dan pelengkap kepada bidang tumpuan UPM iaitu AgroBio meliputi pertanian dan sains yang berkaitan.



PROF. DR. NIK MUSTAPHA
RAJA ABDULLAH

Nik Mustapha berkata, kewujudan teknologi yang semakin canggih, khususnya yang berkaitan dengan pertanian, menuntut pihaknya memperhebatkan lagi penyelidikan untuk menghasilkan sesuatu penemuan baru.

Selain mempunyai kawasan seluas 8.8 hektar di sekitar Serdang yang merangkumi fakulti dan ladang, UPM juga memiliki ladang sendiri seluas 160 hektar di Puchong.

Segala aktiviti penyelidikan berkaitan sains pertanian, bioperubatan, kejuruteraan, ekonomi dan teknologi dijalankan sama ada di makmal fakulti tertentu atau di ladang-ladang berkenaan.

"Ladang di Puchong itu akan dijadikan pusat inkubator pertanian untuk mengeluarkan usahawan-usahawan pertanian.

"Ia merupakan sebahagian daripada rancangan jangka pendek UPM untuk menyahut seruan kerajaan dalam memajukan bidang pertanian," katanya.

Beliau berkata, peserta yang akan mengikuti program latihan di pusat inkubator itu terdiri daripada bekas graduan yang berminat menceburi bidang pertanian. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan keputusan akademik.

"Antara program latihan yang bo-